

Arahan : Rujuk **muka surat 158**. Baca petikan perbualan di media sosial (Whatsapp) antara Rajiv dan Alif. Kenal pasti kata berimbuhan yang terdapat dalam perbualan tersebut. Senarikan kata berimbuhan mengikut kategori dalam jadual yang disediakan. Bina ayat mudah menggunakan perkataan / frasa yang diberikan.

a) Mengkategorikan kata berimbuhan

WhatsApp chat interface showing a conversation between Rajiv and Alif. The messages are as follows:

Rajiv: Apa khabar, Rajiv?

Alif: Khabar baik, Alif. Bagaimanakah dengan percutian kamu?

Rajiv: Saya **berasa** sangat seronok. Semasa dalam penerbangan, saya melihat pramugari mengadakan jualan.

Alif: Wah, **jualan** di awan biru! Apakah barangan yang dijual mereka?

Rajiv: Mereka menjual makanan, minuman dan cenderamata.

Alif: Bagaimanakah cara mereka menjual barangan mereka?

Rajiv: Pramugari **meletakkan** barang-barang yang ingin dijual di atas troli. Kemudian, mereka menolak troli tersebut.

Alif: Bilakah mereka mula menjual?

Rajiv: Barang-barang tersebut mula **dijual** setelah keadaan di dalam kapal terbang stabil. Ada juga penumpang yang telah membuat tempahan awal secara dalam talian semasa menempah tiket.

Alif: Wah, hebat juga cara mereka **berniaga**! Pandai mereka mencari peluang untuk meningkatkan pendapatan syarikat penerbangan mereka.

Rajiv: Betul kata kamu. **Perniagaan** mereka memudahkan kita. Baiklah, Rajiv, nanti kita berhubung lagi.

Kata Berimbuhan

Awalan	Apitan	Akhiran
Berasa	Meletakkan	Jualan

percutian	penerbangan	melihat	mengadakan	barangan
menjual	makanan	minuman	menolak	keadaan
membuat	penumpang	tempahan	talian	menempah
mencari	meningkatkan	pendapatan	perniagaan	memudahkan

b) Membina ayat – Bina ayat lengkap menggunakan perkataan yang diberikan

Perkataan	Ayat
berasa	
jualan	
meletakkan	
dijual	
berniaga	
perniagaan	